

**Permit polis masih diperlukan untuk ceramah p'raya
MalaysiaKini.com
19 Julai, 2012
Oleh Hazlan Zakaria**

Parti-parti politik masih perlu memohon permit polis untuk ceramah dalam pilihan raya umum akan datang kerana Akta Berhimpun Aman (PAA) tidak boleh diterimapakai semasa tempoh berkempen, kata Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Seksyen 1 (3) PAA menyatakan ia tidak terpakai kepada kempen pilihan raya di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

Bagaimanapun, Timbalan Pengerusi SPR, Datuk Wan Ahmad Wan Omar memberi jaminan bahawa suruhanjaya itu akan memberitahu ketua polis daerah supaya membenarkan semua program ceramah, selagi peraturan dipatuhi.

Wan Omar berkata demikian ketika berucap kepada wakil parti-parti politik di Semenanjung di ibu pejabat SPR di Putrajaya hari ini.